

Pelajar Kyutech selami budaya negara

Kuala Lumpur: Seramai 33 pelajar *Kyushu Institute of Technology* (Kyutech), Fukuoka, Jepun menyertai program mobiliti inbound anjuran Kolej Pendeta Za'ba, Universiti Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini.

Program dua hala itu bertujuan memperkukuhkan jaringan kerjasama peringkat global, selain memberi peluang kepada pelajar kedua-dua universiti berkenaan untuk mengenali budaya masing-masing.

Peserta diberi pendedahan mengenai budaya negara ini dengan menyertai program inap desa di Bandar Melaka, Melaka, dengan mereka berpeluang memakai pakaian tradisi masyarakat Melayu serta bermain permainan tradisional seperti congkak, boling kelapa, batu sermban dan layang-layang.

Peserta juga dibawa melawat ke tempat bersejarah termasuk makam Hang Jebat, rumah tradisional Melayu, Kota A Famosa dan tempat menarik di sekitar Melaka.

Seorang peserta, Fukushima, berkata beliau teruja terpilih sebagai peserta kerana dapat men-

getahui lebih lanjut mengenai sejarah seni budaya Melayu yang terkenal pada peringkat antara-bangsa.

"Program ini memberikan pengalaman sebenar untuk peserta merasai sendiri suasana kehidupan masyarakat dan budaya yang dimiliki Malaysia.

"Saya tertarik dengan pameran seni Melayu seperti keris, tanjak, tengkolok dan sejarah kesultanan Melayu serta sejarah keagungan kegemilangan bangsa Melayu di sini," katanya.

Program lain disertai peserta ialah mempelajari tulisan Jawi dan khat, melawat sekitar UPM, mengikuti kelas pengajian akademik di Fakulti Perhutanan, Fakulti Sains dan Fakulti Kejuruteraan serta menjalankan uji kaji ringkas di makmal.

Selain itu, mereka dibawa berkunjung ke industri berteknologi tinggi Jepun sekitar Selangor seperti Toto, Sony dan Panasonic serta mempersembahkan tarian Yosakoi, sejenis tarian menggunakan alatan muzik tangan bagi mendedahkan seni budaya Jepun kepada pelajar UPM.

Sementara itu, Timbalan Naib



Antara aktiviti permainan tradisinol yang dilakukan ketika menyertai program inap desa di Melaka

Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UPM, Prof Dr Mohd Roslan Sulaiman, berkata program itu bertujuan menggalakkan perkongsian budaya antara dua komuniti berbeza, selain membina jambatan untuk saling memahami.

Beliau berkata, bermula 2012, UPM menerima lebih 600 pelajar Kyutech melalui program mobiliti inbound dan penyertaan itu semakin meningkat setiap tahun.

Katanya, UPM dan Kyutech sudah menandatangani memorandum persefahaman (MoU)

bagi program mobility *outbound* dan *inbound* dengan jumlah penghantaran seramai 120 peserta bagi setiap institusi pada setiap tahun.

"Pada Oktober dan Novenber ini, UPM turut menerima seramai 70 peserta *inbound* Jepun

dalam usaha untuk menyam-paikan tiga hasrat Kementerian Pendidikan terdiri daripada Cinta, Kebahagiaan dan Saling Menghormati.

"Selain itu, UPM dan Kyutech turut memeterai MoU penyelidikan dengan industri di Mal-

aysia dan Jepun serta program jaringan staf dan pelajar dalam bidang akademik, termasuk pen-ganjaran *Symposium on Applied Engineering and Sciences* (SAES) yang diadakan dwitahunan secara bergilir antara kedua-dua ins-tituti," katanya.



Pelajar Kyutech dan UPM melawat kota A Famosa dan tempat menarik di Melaka.